

13/09/2003

Bank, syarikat kewangan rai Dr Mahathir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam tadi diraikan Persatuan Bank Malaysia (ABM), Persatuan Bank Saudagar Malaysia dan Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia, dalam satu majlis makan malam di sebuah hotel di sini.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dihiburkan dengan persembahan nyanyian termasuk oleh Sheila Majid.

Pengerusi Persatuan Bank Saudagar, Tan Sri Azman Hashim, turut menyampaikan dua lagu sebagai penghargaan terhadap jasa Perdana Menteri.

Dalam ucapan ringkasnya, Dr Mahathir berkata, krisis kewangan yang berlaku pada 1997 dan 1998 memberikan pengalaman berguna kepada kerajaan dan sektor perbankan negara menghadapi suasana getir.

Daripada pengalaman itu, katanya, sistem perbankan kini negara menjadi lebih baik dan bersedia menghadapi cabaran pada masa depan.

"Kita perlu bersedia dengan melengkapkan diri untuk menghadapi sebarang kemungkinan pada masa depan," katanya yang turut mengucapkan terima kasih kepada sektor perbankan dan kewangan kerana sentiasa bekerjasama dengan kerajaan.

Hadir sama, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dan Pengerusi ABM, Dr Rozali Mohamed Ali.